

Jabatan Pendaftar

" KEDAH SEJAHTERA "

UUM/PEN/C-5/5 Jld. 1

19 April 2010

Semua Penolong Naib Canselor
Pengarah Institut/Pusat/Unit
Ketua Jabatan
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato' /Tuan/Puan

PEMANSUHAN BAYARAN WAD KEPADA PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya di arah merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat LPU ke 66 Bil. 2/2010 pada 06 April 2010 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 04/2010 berkaitan dengan Pemansuhan Bayaran Wad Kepada Pegawai dan Pesara Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman, berdasarkan pekeliling tersebut Kerajaan telah memutuskan bahawa bayaran wad yang dikenakan kepada pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam, ahli keluarga dan ibu bapa yang sah semasa mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan **telah dimansuhkan**;

Pemansuhan bayaran wad ini tidak menjejaskan kelayakan wad yang ditetapkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam. Kelayakan wad adalah berdasarkan gred pegawai seperti dijelaskan dalam jadual berikut:

Kumpulan/Gred	Kelayakan Wad
Pengurusan Tertinggi	Kelas 1 Bilik Seorang
45 – 54	
31 – 44	Kelas 1 Bilik Berdua
21 – 30	Kelas 1 Bilik Bertiga
1 – 20	Kelas 2